

Siaran Statistik

Pengangkutan dan Infokomunikasi

1. Ringkasan Eksekutif


Isi Kandungan

1. Ringkasan Eksekutif
2. Pengangkutan Udara
3. Pengangkutan Laut
4. Pengangkutan Darat
5. Keselamatan Jalan Raya
6. Perkhidmatan Pos

- Siaran statistik kali ini meninjau impak dari pembukaan semula pintu sempadan Negara Brunei Darussalam sejak 1 Ogos 2022 bagi perjalanan bukan mustahak (“*non-essential travel*”) khususnya melalui pos kawalan udara dan laut.
- Dari itu, penilaian dibuat dari segi jumlah pergerakan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dan juga Feri Terminal Serasa selepas dua tahun sekatan ketat dilaksanakan berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 sejak bulan Mac 2020 di negara ini.
- Perangkaan lain yang turut diteliti adalah berkaitan dengan jumlah pembaharuan lesen memandu bagi warga emas berumur 70 tahun dan ke atas. Tujuannya adalah untuk mengetahui setakat mana keberkesanan pengemaskinian dasar selepas ianya diperkenalkan pada 16 Disember 2021.
- Jumlah kes kemalangan di jalan raya di negara ini masih memerlukan perhatian dan kerjasama sepadu dari semua pihak yang terlibat termasuk pengguna-pengguna jalan raya. Ini adalah bagi terus meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.
- Selain dari sektor pengangkutan, perkhidmatan pengendalian barang-barang melalui Pusat Memproses Mel (MPC) di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos turut diberi perhatian iaitu benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan (domestik dan antarabangsa).

2. Pengangkutan Udara

Pergerakan Penumpang (Keluar, Masuk & Persinggahan)
 Melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB)
 (Januari – Disember 2022)



- Tahun 2022 adalah tahun terpenting bagi langkah ke hadapan selepas negara ini dilanda wabak COVID-19 dengan diikuti pelonggaran prosedur operasi standard. Semenjak pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, tren bagi pergerakan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menunjukkan peningkatan sebanyak 55% sehingga 31 Disember 2022.

Pergerakan Penumpang (Keluar, Masuk & Persinggahan)
 Melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB)
 (2015 – 2022)

Lapang Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB)	Tahun							
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah Penumpang (Keluar)	741,626	740,926	763,994	802,320	937,660	176,066	28,395	257,574
Jumlah Penumpang (Masuk)	732,606	740,260	768,270	811,966	936,459	180,681	19,340	252,335
Jumlah Penumpang (Persinggahan)	243,797	248,659	244,278	247,826	312,706	0	0	45,004
Jumlah Keseluruhan	1,718,029	1,729,845	1,776,542	1,862,112	2,186,825	356,747	47,735	554,914

- Jika dibandingkan lima tahun sebelum pandemik COVID-19, pergerakan penumpang meningkat setiap tahun dan tahun 2019 mencatatkan yang tertinggi dalam jumlah 2,186,825. Secara purata, kadar pertumbuhan pergerakan penumpang di negara ini adalah sebanyak 5.5% setiap tahun (2015 – 2019). Jika berdasarkan kadar berganda sebanyak 5.5% setiap tahun, jumlah pergerakan penumpang dijangka akan kembali ke tahap 2019 pada tahun 2026.

3. Pengangkutan Laut

Pergerakan Penumpang (Keluar dan Masuk) Melalui Feri Terminal Serasa (Januari – Disember 2022)

Feri Terminal Serasa	Tahun 2022												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mai	Jun	Juli	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
Jumlah Penumpang (Keluar)	91	71	81	96	77	130	141	1,146	1,626	1,718	3,144	3,525	11,846
Jumlah Penumpang (Masuk)	85	66	72	73	66	100	128	950	1,637	1,745	3,020	3,378	11,320
Jumlah Keseluruhan	176	137	153	169	143	230	269	2,096	3,263	3,463	6,164	6,903	23,166

- Perangkaan menunjukkan peningkatan mendadak sejak pembukaan sempadan dengan seramai 1,146 penumpang keluar dan seramai 950 penumpang masuk melalui Feri Terminal Serasa. Bagi bulan berikutnya, jumlah pergerakan penumpang keluar dan masuk melalui Terminal tersebut terus meningkat sebanyak 56% dengan mencatatkan sejumlah 3,263 penumpang. Bulan Disember 2022 mencatatkan jumlah yang tertinggi bertepatan dengan musim cuti persekolahan dengan seramai 6,903 penumpang keluar dan masuk negara ini.

Pergerakan Penumpang (Keluar dan Masuk) Melalui Feri Terminal Serasa (2015 – 2022)


Feri Terminal Serasa	Tahun							
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah Penumpang (Keluar)	80,301	91,578	81,916	85,659	86,533	13,098	879	11,846
Jumlah Penumpang (Masuk)	89,122	91,175	86,272	82,302	82,975	13,819	753	11,320
Jumlah Keseluruhan (Keluar & Masuk)	169,423	182,753	168,188	167,961	169,508	26,917	1,632	23,166

- Sebelum tercetusnya pandemik COVID-19, tahun 2016 mencatatkan pergerakan penumpang yang tertinggi dengan jumlah 182,753. Perangkaan bagi tahun-tahun berikutnya (2015 – 2019) adalah menurun dan secara purata pergerakan penumpang bagi tempoh tersebut berjumlah 171,566. Jika jumlah keseluruhan pergerakan penumpang bagi tahun 2022 berganda setiap tahun, maka dijangka dalam tahun 2025 akan mencapai semula tahap tertinggi seperti di tahun 2016.


4. Pengangkutan Darat

Pembaharuan Lesen Memandu Bagi Warga Emas Berumur 70 dan Ke atas (Januari – Disember 2022)

- Pelaksanaan dasar terkini mengenai pembaharuan Lesen Memandu bagi warga emas yang berumur 70 dan ke atas telah bermula pada 16 Disember 2022. Dasar ini memberikan warga emas pilihan untuk memperbaharui lesen memandu mereka bagi tempoh 1 tahun, 3 tahun atau 5 tahun dengan melengkapkan Borang Pengakuan Kesihatan Diri yang disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat. Manakala, pemohon yang berumur 86 tahun dan ke atas hendaklah menyertakan Sijil Kesihatan yang disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf dan hanya boleh memperbaharui Lesen Memandu Kelas 3 bagi tempoh 1 tahun sahaja.



Jumlah Pembaharuan Lesen Memandu (1 Tahun)



Jumlah Pembaharuan Lesen Memandu (3 Tahun)



Jumlah Pembaharuan Lesen Memandu (5 Tahun)


- Setelah pengenalan dasar tersebut, terdapat pengurangan bagi pembaharuan lesen memandu tempoh 1 tahun. Di sepanjang tahun 2021, sebanyak 6,676 pemohon telah dicatatkan manakala bagi tahun 2022 hanya mencatatkan sebanyak 1,955 pemohon sahaja iaitu pengurangan sebanyak 71%.

- Pembaharuan lesen memandu bagi tempoh tiga (3) tahun telah mendapat penerimaan yang menggalakkan dengan seramai 2,868 pemohon telah dicatatkan sehingga Disember 2022.

- Pembaharuan lesen memandu bagi tempoh lima (5) tahun juga menerima sambutan dengan jumlah keseluruhan setakat Disember 2022 sebanyak 2,390 pemohon.

5. Keselamatan Jalan Raya


Jumlah Kemalangan Jalan Raya (2020 - 2022)



- Bagi tahun 2020, kadar kemalangan jalan raya menunjukkan 1,079 kes dan menurun pada tahun 2021 kepada 1,043 kes. Terdapat sedikit kenaikan pada tahun 2022 dengan tambahan 7 kes kemalangan. Senario yang berbeza bagi kes kemalangan yang melibatkan kematian di mana ianya menunjukkan jumlah kenaikan setiap tahun.
- Salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) dalam Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya bagi Brunei Darussalam 2025 adalah penurunan kadar kemalangan sebanyak 50%. Jika dilihat dari perangkaan kes kematian, sebaliknya jumlah kes tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 82% dari tahun 2020.
- Oleh itu, kerjasama dan komitmen daripada sektor kerajaan dan swasta adalah penting dalam menyumbang kearah matlamat untuk menjadikan jalan raya di Negara Brunei Darussalam selamat bagi para pengguna. Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada, cermat, bertimbang rasa dan berhemah di samping mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya.

6. Perkhidmatan Pos

Jumlah Pengendalian Benda Berdaftar, Paket Kecil dan Bungkus
 (Domestik & Antarabangsa) di Pusat Memproses Mel (MPC)
 (Januari - Disember 2022)



- Antara penerimaan barang-barang yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos melalui Pusat Memproses Mel (MPC) adalah benda berdaftar, paket kecil dan bungkus. Bagi suku pertama tahun 2022, jumlah penerimaan secara menyeluruh bagi barang-barang tersebut adalah sebanyak 84,869 iaitu jumlah yang tertinggi jika dibandingkan dengan suku tahun kedua dan seterusnya.
- Pada suku kedua dan ketiga, paket kecil yang mencatatkan peningkatan dalam jumlah penerimaan berbanding barang-barang yang lain. Manakala, jumlah penerimaan bagi bungkus terjejas pada suku keempat dengan penurunan sebanyak 90%.
- Di sepanjang tahun 2022, jumlah keseluruhan bagi penerimaan benda berdaftar, paket kecil dan bungkus adalah menurun setiap suku tahun. Selepas pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, jumlah penerimaan bagi barang-barang tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 46% sehingga penghujung tahun 2022.

Dikeluarkan oleh:
 Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 Negara Brunei Darussalam